

UMS tampil perkasa pelajar B40 dengan inovasi STEM

UB 16.07.2024 P.04

TUARAN: Universiti Malaysia Sabah terus berusaha memperkasa bidang inovasi dalam kalangan masyarakat dengan menganjurkan Hari Bioteknologi sempena Karnival SENADI 2024 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Badin, di sini, baru-baru ini.

Program anjuran Kelab Bioteknologi UMS dan Persatuan Himpunan Ilmuan UMS (HiUMS) itu bertujuan menarik minat pelajar di peringkat sekolah menengah ke arah bidang STEM.

Penyelaras program, Profesor Madya Dr. Mohd Khalizan Sabullah, berkata karnival itu merupakan antara pengisian Servis Learning Malaysia and University for Society (SULAM) mempererat hubungan antara universiti dan komuniti setempat.

Katanya, ia sebagai usaha UMS memperkasa peranan universiti dalam pembangunan masyarakat dengan memperkenal peserta kepada aplikasi praktikal sains dan teknologi dalam kehidupan sehari-hari.

“Selain itu, ia memberi peluang kepada pelajar mempraktikkan teori dalam konteks sebenar kepada masyarakat di samping mengembangkan keterampilan diri dalam memperkuuh kerja berpasukan, kemahiran kepimpinan dan komunikasi,” katanya.

Mohd Khalizan berkata melalui program itu juga pelajar dapat meningkatkan



TERIMA KASIH: Penyerahan cenderamata daripada UMS yang diwakili Mohd Khalizan (tengah) kepada Awang Seman.



PENGISIAN: Antara aktiviti latihan dalam kumpul yang dijalankan sempena program berkenaan.

kesedaran sosial serta peka kepada isu-isu keperluan komuniti setempat.

Program itu melibatkan 69 pelajar UMS yang menjalani



INFORMASI: Pameran hasil inovasi pelajar UMS kepada guru serta pelajar SMK Badin.

kursus Rekabentuk Projek dalam Bioteknologi dan disertai pelajar dalam golongan keluarga B40 SMK Badin.

Antara aktiviti dijalankan ialah pameran kelestarian alam, teknologi hijau dan

keselamatan makanan, latihan berkumpulan serta senam aerobik.

Majlis perasmian karnival disempurnakan oleh Pengetua SMK Badin, Awang Seaman Awang Tahir.